

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 JUN 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 2  
SURAT

## Ilmu di kementerian cenderahati terbesar yang saya bawa pulang

### 'Ilmu di kementerian cenderahati terbesar yang saya bawa pulang'

FOTO: FB RAFIZI RAMLI



Kakitangan kementerian tidak melepaskan peluang bergambar sempena hari terakhir Rafizi pada Isnin.

SHAH ALAM - "Lazimnya kita mengingati kenangan manis dengan cenderahati. Tetapi cenderahati terbesar yang saya bawa pulang adalah ilmu hasil turjuk ajar kesemua penjawat awam sepanjang berkhidmat di Kementerian Ekonomi."

Demikian luah Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli pada hari terakhir di Kementerian Ekonomi pada Isnin.

Rafizi berkata, sebagai ketua dalam organisasi besar, seorang itu perlu banyak bertanya

dan belajar perkara baharu dari penjawat awam.

"Sebab itu saya terhutang budi kepada semua penjawat awam ini. Saya banyak belajar daripada mereka dalam menjalankan tugas.

"Kalau penjawat awam kedekut ilmu, tidak memberi jawapan yang betul atau culas, menteri itu tidak akan membina kemahiran dalam tempoh singkat. Kecuali kalau menteri itu sendiri tidak berminat ambil tahu, lalu diserahkan urusan pentadbiran sepenuhnya

kepada penjawat awam.

"Saya tidak bimbang dengan kemampuan kerajaan merencanakan kemajuan negara kerana tulang belakangnya terdiri daripada penjawat awam yang sayangkan negara," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Ahli Parlimen Pandan itu ber kata, skop Kementerian Ekonomi amat luas dan menterinya perlu mahir selok-belok pertanian, kesihatan, tenaga, pendidikan serta semua bidang lain selain daripada kebiasaan iaitu makroekonomi.